

SULIT



Unit Peperiksaan Dalaman SMK Narinang, Kota Belud

PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos 2013

Masa : Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawaban bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawaban anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak
[*Lihat halaman sebelah*]

Soalan 1: Rumusan[30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan pendermaan organ di negara kita dan halangan untuk menderma organ**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Penderitaan adik Teh Hui Yee, 14 tahun yang bergantung hidup menggunakan jantung mekanikal sejak setahun lalu sedikit sebanyak mula menyedarkan masyarakat tentang perlunya penderma organ. Penderitaannya mendorong sebuah keluarga yang baru kematian anak akibat kemalangan jalan raya, secara ikhlas mendermakan jantung anak mereka kepada adik Teh Hui Yee. Sumbangan ini suatu ikhtiar perubatan moden yang dapat menghilangkan penderitaan yang ditanggung pesakit. Menurut laporan Kementerian Kesihatan, sejak 1997 seramai 108,501 orang telah mendaftar untuk menderma organ, bagaimanapun hanya 180 kes pendermaan organ dapat disempurnakan selepas kematian penderma. Dengan adanya pemindahan organ ini, para doktor dapat menyelesaikan masalah perubatan pesakit.

Pemindahan organ bermakna memindahkan sebahagian ataupun seluruh organ daripada tubuh seseorang kepada individu lain yang memerlukannya. Organ biasanya diambil daripada penderma yang telah meninggal dunia. Prosedurnya ialah organ penerima yang gagal berfungsi digantikan dengan organ penderma. Hasilnya membolehkan sistem badan pesakit dapat berfungsi secara normal. Namun begitu, bukan perkara mudah untuk mendapatkan penderma organ walaupun pendermaan organ merupakan satu kaedah perubatan paling berkesan untuk membantu pesakit kerana tidak semua orang sanggup melakukannya. Bagi melaksanakan amalan mulia ini sebagai amal jariah, pakar perubatan perlu mendapatkan kebenaran ahli keluarga atau waris terdekat penderma terlebih dahulu. Selain itu, organ yang dipindahkan tidak boleh dijadikan barang dagangan untuk urusan jual beli. Pembedahan yang berjaya akan memberikan harapan baru kepada pesakit untuk terus hidup.

Namun begitu, terdapat juga pembedahan yang gagal. Hal ini berpunca daripada penolakan organ penderma oleh sistem imun tubuh penerima organ. Kesan sampingan ubat bagi menghalang proses penolakan organ juga merupakan masalah bagi proses pemindahan organ. Oleh sebab itu, pemilihan penderma dan pesakit yang tepat seharusnya diutamakan agar kegagalan pemindahan organ dapat dielakkan. Dengan adanya sumbangan organ daripada orang ramai, kewujudan bank organ dapat direalisasikan di negara ini. Pesakit pula tidak perlu menunggu begitu lama untuk menjalani pembedahan. Pemindahan organ dapat mengurangkan risiko kematian awal yang selama ini menghantui pesakit. Keluarga penderma tidak perlu gusar kerana pembedahan pemindahan organ itu disempurnakan dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab. Masyarakat pula perlu sedar jika tiada penderma maka ramai pesakit yang mengalami kegagalan fungsi organ akan berhadapan dengan risiko kematian. Pendermaan organ akan membawa kepada pembedahan pemindahan organ. Pembedahan yang berjaya akan dapat ***mengiktiraf kualiti*** dan kecekapan pakar perubatan tempatan. Sesungguhnya, kesanggupan kita menderma organ membuktikan betapa tingginya nilai kemanusiaan yang ada pada diri kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Pendermaan Organ
oleh Siti Balkis Sudin,
Dewan Masyarakat, Disember 2007)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengiktiraf kualiti*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga perkara yang perlu dipatuhi oleh pakar bedah organ semasa melakukan pembedahan.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, jelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan untuk menyedarkan rakyat agar menderma organ.
[4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Jering tempoyak lagi!” rungut Israk.

Terkedu Wah mendengarnya. Hati Wah luruh sedikit. Wah berasa rendah diri, serendah mutiara di lautan. Dipandangnya *al-Maidah* di atas meja. Itulah yang dimakannya hampir saban hari. Israk sahaja yang tidak mengerti.

“Abang jangan cari pasal dengan saya. Kalau abang tak gemar, makan rumput. Harap belajar saja tinggi, tapi...”

“Tapi apa? Tapi aku bodoh?” Israk berang.

“Tengok tu. Membabi buta!” Mikraj mengherdik.

“Menyesal tinggal di sini.” Israk berkawad meninggalkan dapur.

“Kalau menyesal, baliklah KL! Tahukah abang cari bas? Beranikah naik bot tambang?” sempat juga Mikraj melepaskan peluru perli ke atma Israk.

Geram Israk memuncak. Dia mengganas dengan merentap langsir kuning raja Wah. Tupp! Dawai langsir terputus dan langsir menjilat lantai kayu merbau itu. Wah memandang Mikraj dan langsir silih berganti.

(Dipetik daripada cerpen ‘*Israk*’
oleh Erda Roslan Khairi dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah perasaan Wah selepas mendengar rungutan Israk tentang makanan yang dihidangkan di atas meja?

[2 markah]

- (ii) Sekiranya anda Mikraj, apakah yang patut anda lakukan untuk menyedarkan Israk daripada keegoan dirinya?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Israk yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan lagi daripada keseluruhan cerpen.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula pada tiap-tiap hari siang dan malam, orang berkawal di bawah mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi itu. Empat orang menteri dan empat orang hulubalang memegang senjata dan berbaju rantai berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu. Setelah didengar oleh hulubalang suara orang tertawa di atas mahligai tuan puteri itu maka katanya, “Apalah bicara tuan hamba sekalian?” Maka kata seorang lagi, “ Pada bicara hamba baiklah kita persembahkan ke bawah duli dahulu. Apalah juga titah Yang Dipertuan kita kerjakan.” Setelah sudah ia mesyuarat itu maka kata menteri keempat itu pun masuklah menghadap Raja Bahrum Dewa. Maka katanya kepada biduanda itu, “ Pergilah persembahkan ke bawah Duli Yang Diertuan katakan, pada malam tadi kami berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu kami dengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai tuan puteri itu, hendak *disegerakan pekerjaan* itu kerana belum kami persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan.”

Setelah demikian kata menteri itu maka biduanda pun pergilah menghadap Raja Bahrum Dewa itu serta dipersembahkanlah perkataan segala menteri yang berkawal di bawah mahligai itu. Setelah didengar oleh baginda akan sembah biduanda itu maka Raja Bahrum Dewa pun terlalu marahnya, api bernyala-nyala merah padam muka baginda itu seperti bunga raya yang baharu kembang rupanya. Serta baginda bertitah kepada empat puluh hulubalang dan rakyat sekalian, “Pergilah kamu lihat anak celaka itu *memberi malu* kita”.

Dipetik daripada ‘Hikayat Langlang Buana’
Antologi *Dirgahayu Bahasa*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *disegerakan pekerjaan* [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **tiga** tindakan menteri dan hulubalang setelah mereka mendengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Raja Bahrum Dewa, apakah tindakan yang anda lakukan terhadap lelaki yang menceroboh ke Mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA EMAK SI RANDANG

Baik budi Emak Si Randang,
Dagang lalu ditanakkan
Tiada kayu rumah diruntuhkan,
Anak pulang kelaparan,
Anak di pangku diletakkan,
Kera di hutan disusui,
Dagang pergi awak terhutang,
Beras habis padi tak jadi.

*Md. Ali Bachik (Penyelenggara)
Khazanah Puisi Klasik Melayu, 2003
Dewan Bahasa dan Pustaka*

*Anak di pangku diletakkan,
Kera di hutan disusui*

- (i) Apa yang dimaksudkan dengan baris-baris seloka di atas. [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda merupakan jiran kepada Emak Si Randang bagaimanakah anda dapat membantunya? [4 markah]
- (iii) Huraikan **tema** seloka di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
(30 markah)

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu** ayat daripada perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) gerangan
- (ii) berangan
- (iii) barangan
- (iv) larangan
- (v) bayangan
- (vi) kayangan

[6 markah]

(b) **Ayat-ayat majmuk** di bawah ini terdiri daripada beberapa **ayat tunggal**. Anda dikehendaki memisahkan ayat-ayat tersebut kepada **ayat-ayat tunggal** dengan menggunakan ayat yang gramatis.

- (i) Pak Mail dan Mak Kiah akan menghadiri majlis perkahwinan cucu mereka pada bulan hadapan.
- (ii) Dia ingin melanjutkan pengajiannya di peringkat universiti tetapi masalah kewangan menghantui pemikirannya.
- (iii) Elden Joumin masuk ke dewan itu lalu duduk di barisan hadapan.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pihak polis akan mengada kempen pencegahan jenayah untuk menggalakkan masyarakat bekerja sama memerangi kegiatan jenayah.
- (ii) Para pelajar digalakkan menyertai kegiatan ko-kurikulum supaya dapat mengerat hubungan antara kaum.
- (iii) Kanak-kanak itu perlu menjalankan rawatan menggunakan anti-biotik untuk mengelakkan penyakitnya berlarutan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pemantauan dari masa ke semasa perlu dilakukan bagi membongkar masalah pendatang tanpa izin ke negara ini.
- (ii) Nama julukan sasterawan yang terkenal itu adalah Tongkat Warrant.
- (iii) Para petani-petani di kawasan itu akan mengusahakan penanaman padi secara estet mini.

[6 markah]

3(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai dengan ayat- ayat tersebut*

- (i) Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Erica, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi.
- (ii) Juselin menikmati segala kemewahan yang disediakan oleh bapanya tetapi dia tidak gembira kerana tidak dibenarkan bergaul bebas sesuka hati seperti remaja lain.
- (iii) Perbelanjaan kita biarlah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Kabus di Perbukitan karya Mohd.Kholid Hamzah
- (ii) Kembara Amira karya Amer Hamzah
- (iii) Interlok karya Abdullah Hussain
- (iv) Sutera Dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan
- (v) PAPA ..(akhirnya kau tewas jua!) karya Deanna Yusof
- (vi) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (vii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (viii) Renyah karya Gunawan Mahmood

(a) Pembaca akan memperoleh pelbagai mesej dan pengajaran daripada novel yang dibaca. Berdasarkan novel yang telah anda kaji, **jelaskan pengajaran** yang boleh anda jadikan pedoman dalam kehidupan.

[7 *markah*]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan **persamaan latar masyarakat** yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT